





INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN JULAI 2024




Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 5.3 peratus pada Julai 2024, dipacu oleh pertumbuhan kukuh output sektor Pembuatan




%YoY Julai 2024



IPP Indeks IPP %YoY IPP %MoM




Subsektor Pembuatan



%YoY Jul. 2023 %YoY Jun 2024 %YoY Jul. 2024

Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik



Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 5.3 peratus pada Julai 2024, dipacu oleh pertumbuhan kukuh output sektor Pembuatan

- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sebanyak 5.3 peratus pada Julai 2024 selepas mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini dipacu oleh peningkatan kukuh output Pembuatan sebanyak 7.7 peratus (Jun 2024: 5.2%) dan pertumbuhan output Elektrik sebanyak 7.0 peratus (Jun 2024: 3.5%). Sementara itu, pengeluaran sektor Perlombongan menurun 5.0 peratus berbanding pertumbuhan positif 4.9 peratus pada Jun 2024. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP menurun 1.5 peratus daripada pertumbuhan 4.8 peratus pada bulan sebelumnya.
- Kedua-dua industri berorientasikan eksport dan domestik menunjukkan prestasi yang baik pada Julai 2024 dengan masing-masing merekodkan pertumbuhan 7.8 peratus (Jun 2024: 5.4%) dan 7.5 peratus (Jun 2024: 4.6%). Pertumbuhan industri berorientasikan eksport disokong oleh pengembangan merentasi semua industri, terutamanya oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan sebanyak 21.9 peratus (Jun 2024: 11.0%); dan diikuti oleh Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal sebanyak 5.0 peratus (Jun 2024: 4.9%). Selain itu, Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis turut kekal tinggi, dengan pertumbuhan sebanyak 11.7 peratus (Jun 2024: 12.5%). Pertumbuhan tahun ke tahun industri yang berorientasikan eksport dicerminkan oleh prestasi eksport barangan perkilangan negara, yang meningkat 10.6 peratus pada Julai 2024. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun 3.3 peratus daripada pertumbuhan 11.8 peratus pada Jun 2024.
- Peningkatan dalam industri berorientasikan domestik didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk galian bukan logam lain; dan Pembuatan logam asas, yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 12.2 peratus dan 10.5 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler memulih dengan pertumbuhan 3.9 peratus (Jun 2024: -10.7%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik meningkat 1.0 peratus (Jun 2024: -5.4%).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI



- Penurunan 5.0 peratus dalam sektor Perlombongan adalah berikutan penyusutan 5.4 peratus (Jun 2024: 6.0%) pengeluaran Gas Asli dan kejatuhan 4.4 peratus (Jun 2024: 3.4%) dalam output Minyak Mentah & Kondensat pada bulan tersebut. Indeks Perlombongan menurun 2.1 peratus bulan ke bulan, berbanding pertumbuhan positif 4.0 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penjanaan Elektrik meningkat 7.0 peratus (Jun 2024: 3.5%) tahun ke tahun pada Julai 2024. Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik memulih 5.4 peratus (Jun 2024: -6.2%).
- Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat pada Julai 2024, termasuk Korea Selatan, Singapura, Jepun, Vietnam, dan Thailand, dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dilihat di China dan Taiwan. Sebaliknya, Amerika Syarikat mengalami penurunan marginal pada Julai 2024.
- Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini (Januari – Julai 2024), IPP meningkat 4.1 peratus (Januari – Julai 2023: 1.1%) dengan kesemua sektor mencatatkan peningkatan, iaitu indeks Perlombongan (2.9%); indeks Pembuatan (4.1%); dan indeks Elektrik (7.1%).

